

Kes bekas penjawat awam terima suapan RM257,600

9 Februari

Ipoh: Perbicaraan kes seorang bekas penjawat awam yang dijakwa atas enam pertuduhan menerima suapan berjumlah RM257,600 pada Julai dan Ogos tahun lalu di Mahkamah Sesyen di sini semalam, ditangguh pada 9 Februari ini, bagi rundingan akuan.

Pada prosiding semalam, peguam bela, Khairilazwar Khalil, yang mewakili tertuduh Herman Ibrahim, 46, bekas Pegawai Kebudayaan Kumpulan Selendang Perak, di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak itu memohon mahkamah menetapkan tarikh baharu bagi sebutan semula kes berkenaan bagi prosedur rundingan akuan.

Khairilazwar memaklumkan, akan menulis surat permohonan untuk membuat rundingan akuan dengan pihak pendakwaan bagi keputusan kes terbabit.

Hakim S Indra Nehru kemudian menetapkan tarikh berkenaan sebagai sebutan semula kes untuk prosedur terbabit di bawah Seksyen 172C Kanun Tata-

* cara Jenayah. Pada 17 Julai tahun lalu, Herman didakwa atas tiga pertuduhan menerima suapan berjumlah RM149,600 di tempat dan waktu berbeza ketika bertugas sebagai ejen kepada Sekretariat Sukma XIX Perak 2018.

Bagi pertuduhan pertama, dia didakwa menerima wang berjumlah RM7,500 sebagai balasan daripada pemilik syarikat Pro Explore Event Management, Mohd Zulkhibri Abdul Mutalib di Public Bank Berhad, Jalan Sultan Idris Shah, di sini, pada 15 November 2018.

Bagi pertuduhan kedua pula, Herman didakwa menerima wang berjumlah RM68,600 dengan tiada balasan daripada Raja Khairy Ehsan Raja Norddin melalui pemindahan wang ke dalam akaun pihak ketiga iaitu Syarikat Ohana Services, untuk pembekalan bagi penubuhan syarikat dobi, Eh Matrix Resources, milik bapa mentuanya, Bustanudin Bustamam, di cawangan Bank Rakyat, Medan Gopeng, Jalan Raja Dr Nazrin Shah, di sini, pada 14 Februari 2018.

Pertuduhan ketiga pula, dia didakwa menerima wang tunai berjumlah RM73,500 dengan tiada balasan daripada pemilik Syarikat Rainhousemusic, Raja Khairy Ehsan melalui pihak ketiga iaitu Maafrof Ahmad, di perkarangan Stadium Perak, di sini, pada 18 Februari 2019.

Pada 14 Ogos, Herman dituduh atas tiga lagi pertuduhan menerima suapan RM108,000 ketika menjadi ejen kepada Sekretariat Sukma XIX Perak 2018. —BERNAMA